



Mohd Iszuani menunjukkan **kit lengkap perisian komputer bahasa Jepun** ciptaannya.

KIT INI TERBAHAGI KEPADA BEBERAPA MODUL YANG MEMBANTU PELAJAR DALAM MENGUASAI KEMAHIRAN BAHASA BERKENAAN DALAM TEMPOH SINGKAT”

Mohd Iszuani Hassan.
Pensyarah Bahasa Jepun Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan UMP

Iszuani Hassan, berkata, inovasi berkenaan adalah susulan kajiannya selama tiga tahun dalam bidang neoringuistik untuk mengesan keupayaan seseorang bertutur dalam bahasa ibunda negara matahari terbit itu.

Menerusi kajian itu, katanya, hampir 90 peratus pelajar didapati gentar ketika menghadapi ujian bahasa Jepun apabila satu ujian menggunakan teknologi biofeedback yang diletakkan pada pergelangan tangan bagi mengesan nadi dan degupan jantung berjaya memberi petunjuk aras kerehasan pelajar.

“Keadaan ini disebabkan mereka berasakan subjek ini terlalu sukar untuk dipelajari menyebabkan pelajar gagal mendapat keputusan cemerlang hanya kerana terlalu resah untuk menjawab

soalan yang diberikan,” katanya.

Tempoh singkat

Mohd Iszuani berkata, hasil kajian itu mendorong beliau mencipta kit perisian komputer berkenaan untuk membantu dan memudahkan pelajar mempelajari bahasa Jepun.

Katanya, kit perisian komputer itu mengandungi pembelajaran huruf Katakana yang menjadi asas kepada pembelajaran bahasa Jepun dan pelajar dapat menguasainya dalam masa setengah jam.

“Penggunaannya amat mudah kerana kit ini terbahagi kepada beberapa modul yang membantu pelajar dalam menguasai kemahiran bahasa berkenaan dalam tempoh singkat.

“Antara modul yang terkandung dalam Iszuani Inazuma ialah pembelajaran penulisan Hiragana, mengenali huruf (Tegami) dan nombor (Suiji), perbualan (Kaiwa), perbendaharaan kata dan permainan video,” katanya.

Katanya, kit perisian komputer yang memenangi pingat gangsa dalam pertandingan Ciptaan, Inovasi, Teknologi dan Pameran Penyelidikan UMP awal tahun lalu itu turut dilengkapi buku latihan manual sebagai rujukan.

“Menerusi inovasi ini, pembelajaran bahasa Jepun bukan lagi menjadi mimpi ngeri kepada pelajar kerana dimudahkan dengan kit lengkap perisian komputer ini,” katanya.

Perisian memudahkan belajar bahasa Jepun

Oleh Shalfarina Shahrinan
bhvarsiti@bh.com.my

► Kuantan

Kesukaran pelajar mempelajari dan menguasai kemahiran bahasa Jepun kini boleh diatasi menerusi kit perisian komputer Iszuani Inazuma, hasil ciptaan pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Pensyarah Bahasa Jepun Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan UMP, Mohd

